



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI

SISTEM CERAPAN UDARA HIPERSPEKTRAL SECARA *TURNKEY* UNTUK PENGUATKUASAAN DAN PEMANTAUAN SUMBER ASLI NEGARA

20 DISEMBER 2019

1. Isu pencerobohan hutan dan pembalakan haram merupakan antara isu yang menjadi perhatian di media tempatan dan antarabangsa. Kerajaan memandang berat mengenai kegiatan pembalakan haram kerana kesan negatifnya terhadap biodiversiti, kualiti hutan dan alam sekitar. Pelbagai langkah telah dan sedang diambil oleh Kerajaan melalui jabatan-jabatan perhutanan untuk menangani kegiatan pencerobohan hutan dan pembalakan haram.

2. Sehubungan itu, di bawah Projek Pembangunan Sistem Cerapan Udara Hiperspektral Secara *Turnkey* Untuk Penguatkuasaan dan Pemantauan Sumber Asli Negara, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Hutan Sarawak (JHS) telah memperolehi sebuah pesawat pelbagai guna daripada Austria pada 15 Disember 2019. Pesawat ini merupakan sebahagian daripada Sistem Cerapan Udara Hiperspektral iaitu satu sistem udara yang direka khas (*customized airborne system*) bagi tujuan pemantauan dan pemetaan sumber asli. Sistem ini akan memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan

keberkesanan aktiviti penguatkuasaan sumber asli negara termasuk hutan.

3. Ciri-ciri sistem udara atau pesawat yang direka khas ini adalah:

- (i) sistem udara modular yang boleh diubahsuai mengikut misi;
- (ii) julat operasi yang jauh (2,000km) yang membolehkan pesawat beroperasi selama 7 jam tanpa henti; dan
- (iii) kos operasi yang rendah dari aspek penggunaan bahan api serta penyelenggaraan.

Rekabentuk modular yang diterapkan dalam sistem ini membolehkan ianya:

- (iv) disesuaikan dengan pelbagai muatan sensor (*multiple sensor payload configuration*); dan
- (v) mempunyai fleksibiliti untuk digabungkan dengan komponen sistem penyampaian maklumat (*telemetry and tactical information delivery system*) dalam pelbagai persekitaran operasi.

Kos Sistem Udara ini adalah sebanyak RM27.46 juta meliputi perolehan sistem udara atau pesawat, peralatan misi (*mission equipments*), peralatan ganti, penyelenggaraan dan latihan kepada juruterbang.

4. Sistem ini akan ditempatkan di Sarawak di bawah kendalian JHS melalui Unit Pembangunan dan Aplikasi Sistem (SADU). SADU mempunyai kepakaran dan kakitangan yang berpengalaman untuk mengendalikan serta membangun aplikasi berasaskan teknologi cerapan hiperspektral di mana Unit ini telah melaksanakan projek inventori flora menggunakan aplikasi hiperspektral sebelum ini.

5. Sebelum Sistem Udara ini dapat beroperasi sepenuhnya, ia akan menjalani pelbagai proses termasuk pendaftaran pesawat bagi memenuhi keperluan *Civil Aviation Authority Malaysia (CAAM)*. Selanjutnya, ia akan menjalani pengujian akhir (*Final Acceptance Test*) bagi menentusahkan peralatan serta platform udara memenuhi spesifikasi teknikal dan berada dalam keadaan baik sebelum ia diserahkan sepenuhnya oleh syarikat pengeluar kepada Kerajaan Malaysia untuk dioperasikan. Sistem ini dijangka akan mula beroperasi pada pertengahan tahun 2020.

KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI
20 DISEMBER 2019

SISTEM CERAPAN UDARA HIPERSPEKTRAL



Pandangan sisi pesawat



Sensor